

Seluruh rakyat digesa bersatu

Oleh BUSTAMAM AHMAD

KOTA KINABALU, Khamis — Datuk Musa Hitam hari ini menegaskan Laut Cina Selatan yang memisahkan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung tidak seharusnya melemahkan semangat perpaduan tahun 1963.

Timbalan Perdana Menteri menggesa rakyat berbilang kaum khususnya di Sabah dan Sarawak meningkatkan lagi usaha memupuk perpaduan sebagai langkah mengawasi berbagai cabaran dari

dalam dan luar negeri.

Menurutnya cabaran itu hanya boleh diatasi oleh sebuah negara Malaysia yang kukuh dan bersatu padu.

Tambahnya, setengah pihak tertentu sentiasa memerhati keadaan politik Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak bagi tujuan mengeksploitasikan sebarang keadaan yang tidak sihat.

Dalam hubungan ini, tegasnya adalah penting bagi rakyat Sabah dan Sarawak mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia wujud dengan rakyat di Semenanjung.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun tidak menamakan pihak tertentu berkenaan tetapi beliau dipercayai merujuk kepada isu mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Berucap di majlis jamuan teh rakyat di Dewan Tun Fuad Stephen, Penampang dekat sini, Datuk Musa yang sedang dalam lawatan tiga hari ke negeri ini berkata:

Konsep

"Saya gembira kerana rakyat Sabah dapat menerima konsep Malaysia sekalipun bagi peringkat awalnya terdapat perasaan syak wasangka dan tidak puas hati antara segolongan tertentu rakyat dengan golongan yang lain.

"Ini lebih dirasai lagi oleh penduduk Sabah dan Sarawak memandangkan kepada kelambatan kemasukan mereka ke dalam Persekutuan Tanah Melayu, yang kemudian dipanggil Malaysia dalam tahun 1963."

Bagaimanapun, jelas Datuk Musa perasaan syak wasangka yang mungkin wujud sekarang bukan lagi antara rakyat Sabah dan Sarawak dengan rakyat Semenanjung tetapi hanya antara 'manusia dari satu keluarga'.

"Pada pendapat saya, rasa tidak puas hati yang wujud dalam masyarakat kita sekarang bukan lagi syak wasangka antara rakyat Sabah dan Semenanjung, tetapi antara rakyat dari satu keluarga.

"Sebenarnya kita hanya dipisahkan oleh lautan sahaja tetapi semangat perpaduan yang sedia terjalin sejak tahun 1963 tidak pernah terpisah," jelasnya.

Kemajuan

Mengenai pembangunan Sabah, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, negeri ini telah banyak mencapai kemajuan di berbagai bidang dalam jangka masa enam dan tujuh tahun lalu.

"Saya sebenarnya bukan orang baru dengan negeri Sabah ini, yang telah mula saya kunjungi lima belas tahun lalu sewaktu bertugas sebagai setiausaha politik.

"Oleh itu saya berpendapat, Sabah kini banyak mencapai kemajuan jika dibandingkan dengan zaman konf-rantasi dulu," katanya.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya berkata, kerajaan akan terus meningkatkan usaha pembangunan negara khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Terdahulu dari itu, ketika merasmikan Sekolah Mubaligh Sikuati di Daerah Kudat, beliau mengingatkan umat Islam tentang pentingnya mengamalkan sikap toleransi dalam

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia